



**TEKS UCAPAN**

**TUAN RAJA MAZELAN BIN RAJA DERAMAN**

**KETUA PENDAKWA SYARIE**

**JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH NEGERI SEMBILAN**

**AMANAT KETUA PENDAKWA SYARIE**

**TAHUN 2022**

**TARIKH**

**27 JANUARI 2022**

**TEMPAT**

**KLANA RESORT SEREMBAN**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

- **Terima kasih kepada Pengacara Majlis**
  
- **Yang Berusaha**
  - (1) **Ketua Penolong Pengarah BPPR  
Tuan Rohaizad bin Redzuan**
  
  - (2) **Ketua Penolong Pengarah BPRD  
Tuan Mohd Azizuddin bin Abdullah Halim**
  
  - (3) **Ketua Penolong Pengarah BPP  
Tuan Zarul Izham bin Jaapar**
  
  - (4) **Ketua Penolong Pengarah BKP  
Puan Nor Bazilah binti Abdul Basir**
  
  - (5) **Pendakwa-Pendakwa Syarie**
  
  - (6) **Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian**

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah sama-sama kita melahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, dapatlah kita bertemu dan berhimpun dalam **Majlis Amanat Ketua Pendakwa Syarie Tahun 2022**.
2. Sesungguhnya majlis seumpama ini merupakan satu wadah dan wasilah bagi mengukuhkan ikatan persaudaraan, *mahabbah* dan memperluaskan jaringan kerjasama antara pegawai dan kakitangan di Jabatan ini. Saya berharap program amanat ini dapat mencetuskan motivasi kerja, menyuntik semangat bekerja serta turut memahami hasrat amanat bagi meneruskan agenda perjuangan **Memartabatkan Perundangan Syariah** di Negeri Sembilan sekali gus mengangkat imej Jabatan.
3. Saya amat berbesar hati ingin mengucapkan jutaan penghargaan saya kepada seluruh warga kerja JPeNS atas komitmen dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik. Sesungguhnya, segala mehnah dan ujian yang telah dihadapi bersama sama ada secara langsung atau tidak langsung, seharusnya dijadikan iktibar dan pengajaran kepada kita, bahawa segala yang berlaku itu, tidak boleh diambil mudah. Didoakan agar segala penat lelah dan jerit perih kita dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah ini, hanya Allah SWT yang membalasnya agar diberatkan mizan hasanah kita semua di hari pembalasanNya nanti insya-Allah.

4. Dengan ketibaan tahun baharu 2022 ini, maka bermulalah lembaran baharu dalam kehidupan kita, sasaran-sasaran baharu yang mesti kita capai termasuklah tugas-tugas yang tertangguh pada tahun 2021 yang perlu kita laksanakan.

### **PENCAPAIAN 2021**

5. Saya amat yakin dengan kemampuan dan kebolehan Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang ada di hadapan saya ini. Walau pun negara dilanda pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan telah dilaksanakan, namun pelbagai kejayaan masih dapat dicapai pada tahun 2021 berkat dari komitmen, kesungguhan dan kerjasama daripada tuan puan sekalian. Antaranya termasuklah:
  - i. Peningkatan Penyelesaian Kes pada tahun 2021 iaitu sebanyak **1145 kes berjaya** diselesaikan dengan kutipan jumlah denda RM969,030.00 berbanding tahun 2020 hanya **778 kes** berjaya diselesaikan dengan kutipan jumlah denda hanya RM762,950.00.
  - ii. Peratus perbelanjaan mengurus JPeNS mencapai 98.54% dengan jumlah peruntukan sebanyak RM3.02 juta melepasi KPI yang ditetapkan;
  - iii. Memperolehi Anugerah Kecemerlangan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS 5 Bintang.

6. **Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua.** Pencapaian begini harus diteruskan.

“Kegagalan hari ini jadikan pendorong,

Namun kejayaan semalam bukan bererti  
kemegahan

Oleh itu, gantunglah cita-citamu setinggi-  
tinggi bintang di langit,

Dan rendahkanlah dirimu serendah-serendah  
rumput di bumi”,

### **KPI JPENS 2022**

7. Dalam mencapai maksud memperkukuhkan pentadbiran JPENS tersebut, beberapa KPI (*Key Performance Index*) ditetapkan bagi tahun 2022 sepertimana berikut:
- (i) Penyelesaian **70%** kes pada tahun semasa;
  - (ii) Penyelesaian kes-kes 2019 dan ke bawah;
  - (iii) Pencapaian 95% bagi prestasi belanja mengurus tahunan
8. Pada tahun ini, amanat saya selaku Ketua Pendakwa Syarie bakal membuka tirai bagi segala perancangan dan pelaksanaan program kita pada tahun 2022. Apa yang ingin saya sampaikan di sini adalah berkisar mengenai aspirasi saya terhadap kepentingan kita bersama sebagai warga kerja Institusi Perundangan Syariah di Negeri ini.

## **TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,**

9. Pada tahun 2022 ini, saya menggariskan **LIMA (5) HALA TUJU** agar Pendakwa Syarie dan warga JPeNS lebih fokus dan terarah dalam menggerakkan nadi di setiap posisi kerjaya kita.

### **HALA TUJU PERTAMA:**

#### **MENIMBA ILMU SECARA BERTERUSAN**

10. Saya ingin menyentuh aspek kepentingan ilmu pengetahuan kepada seluruh pegawai dan warga JPeNS. Pengalaman kerja sahaja ternyata tidak memadai menjadikan seseorang warga kerja itu dikategorikan mempunyai kemahiran yang tinggi, namun tuntutan kerja sekarang memerlukan seorang pegawai yang mempunyai "*added value*" dan "*multi tasking*".
11. Tuan-tuan dan puan-puan juga digalakkan agar sentiasa peka tentang isu-isu semasa serta mengemaskini ilmu-ilmu dan peruntukan undang-undang berhubung isu-isu kontemporari. Justeru itu, sekali lagi saya menyeru kepada semua supaya rebutlah peluang menimba ilmu dalam bidang syariah atau bidang- bidang lain yang boleh memajukan diri dan Jabatan kita. Sama ada berminat mendalami ilmu dalam bidang perundangan, bidang pengurusan, bidang kewangan, bidang teknologi maklumat, bidang perubatan Islam, bidang-bidang lain yang luar dari skop tugas harian kita, berusaha menimba ilmu dalam bidang tersebut setinggi mungkin. Apa yang penting ikhlaskan niat demi kemenangan Islam di masa hadapan.

12. Hal yang demikian adalah bersandarkan kepada kata-kata-kata Al-Imam Ali Karamallah wajhah:

من أراد الدنيا فعليه بالعلم

ومن أراد الآخرة فعليه بالعلم

ومن أرادهما معا فعليه بالعلم

**Maksudnya:** “Sesiapa yang inginkan kejayaan di dunia, dia perlu kepada ilmu. Sesiapa yang inginkan akhirat pula, dia perlu kepada ilmu. Sesiapa yang inginkan kedua-duanya, dia juga perlukan kepada ilmu”.

## **TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN**

### **HALA TUJU KEDUA:**

### **MENGAMALKAN BUDAYA KERJA BERINTEGRITI DAN BERAKAUNTABILITI DALAM AMALAN KERJAYA SEHARIAN**

13. Dalam era globalisasi pada hari ini, rungutan dan ketidakpuasan pengguna perkhidmatan sering diluahkan secara meluas dan pantas melalui media sosial seperti *instagram*, *facebook*, *whatssap*, *twitter*, dan sebagainya. Adakalanya apa yang diluahkan adalah fitnah dan tohmahan. Lebih buruk lagi apabila anggota perkhidmatan awam turut melakukannya. Saya ingin mengambil peluang ini mengingatkan kita semua agar tidak terlibat dalam perkara-perkara yang boleh menimbulkan tohmah kepada institusi Syariah, seperti budaya *viral negative* dalam medium sosial seperti *facebook*, *instagram* dan sebagainya. Hal-hal demikian, tidak sedikit pun mendatangkan manfaat dan keuntungan, malah hanya

mencemarkan nama baik jabatan.

14. Sehubungan itu, saya menyarankan agar seluruh warga JPeNS agar mengamalkan prinsip integriti yang tinggi, dengan menjaga kerahsiaan maklumat Kerajaan daripada berlaku kebocoran dan ketirisan maklumat seperti yang banyak berlaku di media-media sosial pada masa kini. Selain terikat dengan Akta, Undang-undang dan Peraturan-peraturan mengenai Rahsia Kerajaan dan Keselamatan, kita juga dilarang memberi kenyataan akhbar dan penulisan terbuka tanpa kebenaran dari Ketua Jabatan.
  
15. Pihak kerajaan telah berkali-kali mengingatkan bahawa tindakan tegas di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 akan diambil ke atas penjawat awam yang didapati terlibat dalam membocorkan maklumat terperingkat kerajaan. Semua dokumen, kertas kerja dan minit mesyuarat penting kerajaan tidak boleh diketahui umum, terutamanya pihak yang tidak perlu mengetahuinya. Justeru, mari kita sama-sama mengelakkan diri dari melakukan sebarang perkara yang bercanggah dengan undang-undang atau peraturan.
  
16. Saya mengingatkan kepada kita semua supaya kita dapat mematuhi undang-undang, pekeliling dan peraturan-peraturan sebagai penjawat awam. Apatah lagi kita semua adalah pegawai yang bekerja dalam ruang lingkup perundangan negara. Begitu juga dengan ketepatan masa yang perlu dititik beratkan oleh warga kerja JPENS.



## **TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN**

### **HALA TUJU KETIGA:**

#### **MENYEMARAKKAN BUDAYA INOVASI DAN KREATIVITI**

17. Tahun 2022 menandakan genap 4 tahun penubuhan JPENS. Adalah diharapkan mulai pada tahun ini, inovasi dan transformasi dapat dihasilkan.
  
18. Saya menyeru semua warga JPENS jika ada idea-idea dan inovasi yang baharu dapat diketengahkan kepada Jabatan untuk sama-sama kita adun dan canai sehingga menghasilkan suatu produk yang boleh dimanfaatkan oleh semua. Usahlah kita bersikap pentingkan diri dengan bersaing sesama kita, hindarilah dari sikap tidak mahu berkongsi kejayaan yang dicapai, sebaliknya marilah kita sama-sama berganding bahu melonjakkan kewibawaan Institusi Pendidikan Syariah di mata dunia.

## **TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN**

### **HALA TUJU KEEMPAT:**

#### **MENJAGA KEBAJIKAN DAN MEMPERTINGKATKAN KEMAJUAN KERJAYA**

19. Kebajikan seluruh warga JPENS sentiasa menjadi sebahagian daripada keutamaan dan hasrat saya dalam mengekalkan keharmonian dan keutuhan semangat berpasukan. Ibarat satu keluarga, kita saling hormat menghormati dan bantu membantu dalam apa jua keadaan. Saya dengan ini mengharapkan seluruh warga kerja di JPENS agar sentiasa prihatin terhadap musibah dan

ujian yang menimpa mana-mana warga kerja kita. Sokongan dan keprihatinan yang ditunjukkan mampu meredakan emosi dan menaikkan semangat untuk terus berkhidmat kepada agama, bangsa dan negara.

20. Saya juga mengharapkan warga JPENS senantiasa aktif dan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sihat. Bakat-bakat terpendam warga kerja seperti bakat bersukan, bakat dalam bidang pengacaraan, bakat dalam bidang perdebatan, bakat dalam bidang seni dan sebagainya boleh dicungkil. Situasi ini mampu melahirkan warga kerja yang proaktif, sihat, ceria dan cergas.
21. Sebagai Ketua Jabatan, saya akan mempertimbangkan serta memperakukan kenaikan pangkat mana-mana Pegawai berdasarkan kelayakan dan memenuhi kehendak jabatan. Oleh yang demikian, nasihat saya agar persekitaran yang tidak sihat dengan sifat-sifat mazmumah seperti hasad dengki dapat dihindarkan daripada diri kita semua sebagai warga kerja Perkhidmatan Awam.
22. Di kesempatan ini, saya menyeru agar semua pegawai dapat sentiasa mengamalkan doa ini.

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحُزْنِ، وَالْعَجْزِ وَالْكَسَلِ

**Maksudnya :** *“Ya Allah! Sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu dari (hal yang) kerisauan dan perkara yang menyedihkan, lemah dan malas”.*

(Hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

## TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN

### HALA TUJU KELIMA

#### MENGOPTIMUMKAN PENGGUNAAN ICT

23. Selaras dengan aspirasi kerajaan dalam meningkatkan sistem penyampaian kerajaan. Saya dengan ini menyeru, agar semua warga JPENS berganding bahu dalam mengoptimumkan penggunaan E-Mel, sistem DDMS dan aplikasi kemudahan ICT yang lain.
24. Jabatan telah membelanjakan sejumlah besar wang dalam menyediakan peralatan dan kelengkapan ICT untuk semua pegawai dan kakitangan bagi membolehkan perkongsian maklumat dapat dilakukan dengan pantas dan berkesan.

### PENUTUP

25. Akhir kalam, sebelum saya menutup bicara saya, hayatilah bait-bait hikmah di bawah ini agar Tuan-tuan dan Puan-puan dapat mengambil panduan darinya:

***“Bila mana seseorang mempunyai akal fikiran, semua perkara baginya adalah ‘ibrah dan pengajaran buatnya untuk terus memuhasabah diri dan meningkatkan kecemerlangan demi mendakap segala janji-janji Allah Azza Wa Jalla”.***

26. Terima kasih kepada Tuan-tuan dan Puan-puan Sekalian kerana sudi mendengar dan memberi perhatian yang sebaiknya kepada amanat 2022 yang disampaikan sebentar tadi. Saya juga memohon ampun dan maaf jika terkasar bahasa, terkhilaf budi bicara jika ada dalam kalangan kita yang tersinggung dan sebagainya. Untuk itu saya sudahi amanat saya pada tahun ini dengan lafaz

وبالله التوفيق والهداية

السلام عليكم ورحمة الله

